

# JANGAN TERDESAK DENGAN RANKING



**MOHD.  
KHUZAIRI  
ISMAL**

rencana@utusan.com.my

**S**ATU hakikat yang perlu diterima berkaitan penarafan universiti atau *QS World University Rankings* adalah sistem itu sesuatu yang nyata dan semenangnya wujud dalam pengajian tinggi antarabangsa. Sistem ini yang pertama kali diperkenal pada 2003 juga sudah diterima secara meluas malah sehingga ke tahap diiktiraf antara piawaian utama dalam mengukur standard sesebuah universiti.

Sebab itu, biar apa pun polemik perbandingan mengenai baik atau buruk sistem ranking ini, golongan yang terlibat secara langsung dalam pengajian tinggi tidak boleh menafikan kewujudannya.

Perdebatan mengenai sama ada universiti di negara ini perlu terikut-ikut dengan penarafan ranking itu atau sebaliknya juga tidak lagi relevan melihat kepada bagaimana sistem tersebut sudah sebaik dalam pengajian tinggi.

Mahu tidak mahu, universiti tempatan perlu ‘membiasakan diri’ dengan kewujudan sistem ranking ini dan dengan kemampuan serta kelebihan yang ada, cuba meletakkan universiti masing-masing pada kedudukan terbaik dalam senarai tersebut.

Ini adalah antara perkara yang dapat dirumuskan daripada program bual bicara bertajuk *Advokasi Ilmuwan, Ranking Universiti Malaysia: Adakah Relevan?* yang berlangsung di Dewan Budaya, Universiti Sains Malaysia (USM) kelmarin.

Program itu dianjurkan Majlis Profesor Negara (MPN) dengan kerjasama akhbar *Utusan Malaysia*, USM dan Radio Televisyen Malaysia (RTM). Tiga ahli panel dijemput membincangkan topik ranking itu iaitu Dekan Pusat



PENGACARA RTM, Shuhaimi Mohamed (kiri) bersama ahli panel program Advokasi Ilmuwan bertajuk, *Ranking Universiti di Malaysia: Adakah Relevan?* (dari kanan) Omar Shakataly, Fauziah Md. Taib dan Mohd. Fauzi Ramli di USM, Pulau Pinang. - UTUSAN/NURUL ATIKAH IDAYU MOHD. RODZI

**Program Advokasi Ilmuwan**

**Ranking Universiti Di Malaysia: Adakah Relevan?**

• Hari ini • 10.00 pagi  
• Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang

**UTUSAN MALAYSIA** **PLTM**

Pengajian Pengurusan USM, Prof. Fauziah Md. Taib; Pensyarah Pusat Pengajian Sains Kimia USM, Prof. Datuk Dr. Omar Shakataly dan Prof. Datuk Dr. Mohd. Fauzi Ramli (UPM).

Turut serta dalam program yang dihadiri lebih 300 peserta itu ialah Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) MPN, Prof. Datuk Dr. Raduan Che Rose. Bagaimanapun seperti dipersetuju kesemua ahli panel dalam program bual bicara itu, universiti awam tidak se-

harusnya dilihat begitu terdesak untuk menempatkan diri dalam sistem ranking tersebut sehingga mengabaikan objektif asal penubuhan institusi berkenaan.

Apatah lagi ketika ini timbul banyak keraguan mengenai kriteria yang digunakan dalam menilai ranking sesebuah universiti termasuk bagaimana wang ringgit turut boleh mempengaruhi kedudukannya.

Terdapat juga kriteria yang dilihat langsung tidak selari dengan tumpuan atau amalan urus tadbir yang digunakan sejak sekian lama oleh universiti awam di negara ini.

Selain itu, ranking tersebut juga memerlukan kerajaan melabur jutaan ringgit semata-mata untuk memenuhi kriteria yang ditetapkan sistem tersebut.

Dalam keadaan peruntukan untuk sektor pengajian tinggi yang agak terhad ketika ini, menggunakan sejumlah wang

yang besar semata-mata untuk memenuhi kriteria ranking tersebut adalah satu kerugian besar kepada sektor pengajian tinggi negara.

Segala persoalan itu dengan sendirinya menunjukkan sistem *QS World University Rankings* tersebut bukanlah petunjuk utama kepada prestasi dan kredibiliti sesebuah universiti awam di negara ini. Ini kerana pada akhirnya, sesebuah universiti itu perlu berbalik kepada objektif dan matlamat asal penubuhannya iaitu menjana, memperkembang dan menyebar ilmu pengetahuan kepada anak bangsa.

Cuma sedikit kelebihan daripada kewujudan sistem ranking itu adalah ia mewujudkan satu bentuk keseimbangan kepada universiti awam dalam memastikan kekal dengan objektif asal penubuhan serta pada masa sama turut setanding dengan piawaian antarabangsa.